

SULIT



# UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER I  
SESI 2021/2022**

NAMA KURSUS : BAIK PULIH PERALATAN  
ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK  
KOD KURSUS : BBV 30903  
KOD PROGRAM : BBE  
TARIKH PEPERIKSAAN : JANUARI/FEBRUARI 2022  
JANGKA MASA : 3 JAM  
ARAHAN : 1. JAWAB **SEMUA** SOALAN  
2. PEPERIKSAAN AKHIR INI  
ADALAH PENTAKSIRAN  
SECARA **DALAM TALIAN** DAN  
DILAKSANAKAN SECARA  
**TUTUP BUKU.**


**TERBUKA**

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **EMPAT(4)** MUKA SURAT

SULIT

- S1 (a) Terangkan jenis-jenis penyelenggaraan berikut dan kaitkan dengan peralatan elektrik dan elektronik
- (i) Penyelenggaraan reaktif
  - (ii) Penyelenggaraan pencegahan
  - (iii) Penyelenggaraan ramalan
  - (iv) Penyelenggaraan kebolehpercayaan berpusat
- (8 markah)
- (b) Nyatakan empat (4) peralatan yang digunakan bagi membaikpulih peralatan elektrik dan elektronik.
- (4 markah)
- (c) Terangkan empat (4) teknik dalam mengenal pasti simptom kerosakan peralatan elektrik dan elektronik.
- (8 markah)
- S2 (a) Berbantukan gambarajah yang bersesuaian, bincangkan konsep “Smart TV IoT”.
- (8 markah)
- (b) Bagaimanakah anda boleh modifikasi litar sedia ada untuk TV LED, supaya dapat memasukkan komponen *Internet of Things (IoT)* dan *Artificial Intelligence (AI)*. Bincangkan dengan memberikan justifikasi bersesuaian beserta dengan lakaran gambar rajah.
- (12 markah)
- S3 (a) Terangkan langkah –langkah bagi membaikpulih kerosakan pada pemanas air.
- (6 markah)
- (b) Nyatakan tiga (3) simptom kerosakan pada pemanas air dan cara membaikpulih simptom tersebut dengan menggunakan peralatan yang sesuai.
- (9 markah)
- (c) Apakah langkah keselamatan yang perlu diambil bagi membaikpulih pemanas air.
- (5 markah)

- S4** **Rajah S4** merupakan blok diagram asas bagi sebuah penerima radio AM/FM.
- (a) Nyatakan tiga (3) peringkat dalam blok diagram tersebut yang merupakan elemen penukar. (3 markah)
- (b) Terangkan dua (2) perbezaan yang terdapat di antara blok diagram penerima radio AM dan FM. (4 markah)
- (c) Sekiranya seorang pengguna memilih isyarat radio FM 90 MHz, tentukan frekuensi keluaran yang terhasil selepas bahagian pencampur. (4 markah)
- (d) Mengapakah penerima radio AM dikatakan kurang baik berbanding penerima FM? (4 markah)
- (e) Nyatakan peringkat yang rosak bagi sebuah penerima radio AM/FM apabila :
- (i) radio mati
  - (ii) keluaran lemah bagi radio AM
  - (iii) radio AM dan FM keluaran 'motoboating'
  - (iv) radio FM ada keluaran tetapi radio AM tiada keluaran
  - (v) keluaran perlahan bagi radio AM dan FM
- (5 markah)



Rajah S4

- S5 (a) VCD dan DVD merupakan alat penyimpan maklumat yang menggunakan *optical data storage* bagi keluaran audio dan video.
- (i) Berikan dua (2) perbezaan utama di antara VCD dan DVD.  
(4 markah)
  - (ii) Huraikan dua (2) kerosakan, dua (2) baik pulih dan dua (2) penyenggaraan sekiranya *loading disc* pemain DVD tidak terbuka semasa butang *open* ditekan.  
(6 markah)
- (b) Telefon pintar masa kini telah menerapkan teknologi *Artificial Intelligence*(AI).
- (i) Terangkan konsep AI dalam telefon pintar.  
(5 markah)
  - (ii) Nyatakan tiga (3) andaian kerosakan yang menyebabkan telefon pintar AI tidak boleh berfungsi dengan baik.  
(3 markah)
  - (iii) Senaraikan dua (2) instrumen yang sesuai bagi baikpulihan telefon pintar.  
(2 markah)

- SOALAN TAMAT -

TERBUKA